



KENYATAAN MEDIA

YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

أَهْلِيَّ مَجْلِسِ مَشْوَرَاتِ كِرَاجَانِ نَكْرِي جَوْهَرًا


AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN
NEGERI JOHOR

KEBENARAN SEKTOR PEMBUATAN BEROPERASI DI SELURUH PBT NEGERI JOHOR

1. Berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang berkuatkuasa di negeri Johor sepanjang Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1 yang diguna pakai bermula 20 Ogos 2021 dan telah dikemaskini pada 3 September 2021, Sektor Pembuatan **DIBENARKAN BEROPERASI mengikut kadar vaksinasi lengkap pekerja.**
2. Justeru pihak PBT Johor membenarkan mana-mana sektor industri melibatkan Sektor Pembuatan untuk beroperasi di seluruh negeri Johor sebagaimana ketetapan dan SOP yang dikeluarkan oleh MKN.
3. Untuk makluman, tidak timbul soal menunggu kebenaran beroperasi semula setelah mencapai kadar vaksinasi lengkap 50 peratus populasi dewasa di negeri ini memandangkan setakat 3 September 2021, 82% penduduk di negeri Johor telah terima suntikan dos pertama dan 51.5% telah menerima dos kedua mereka.
4. Kapasiti pengoperasian yang dibenarkan adalah seperti berikut:
 - (a) Kadar vaksinasi lengkap pekerja 40% - Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 60% pekerja
 - (b) Kadar vaksinasi lengkap pekerja 60% - Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 80% pekerja

- (c) Kadar vaksinasi lengkap pekerja 80% - Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 100% pekerja
5. Ujian RTK Antigen juga perlu dilaksanakan ke atas pekerja pada setiap 2 minggu dengan kos ditanggung oleh majikan.
 6. Adalah diingatkan juga bahawa individu yang telah **lengkap divaksin** hanyalah mereka yang telah memenuhi kriteria-kriteria berikut:
 - i. Bagi jenis vaksin yang memerlukan dua dos suntikan (Pfizer, AstraZeneca, dan Sinovac), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua; atau
 - ii. Bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan (Johnson & Johnson dan CanSino), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-28 dari tarikh suntikan.
 7. Ingin ditegaskan kepada majikan dan pekerja sektor pembuatan ini agar sentiasa mematuhi SOP di tempat kerja dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sebelum memulakan semula operasi agar keselamatan pekerja dan tempat kerja terjamin.
 8. Saya berharap agar kemudahan yang diberikan ini dapat merancakkan kembali sektor pembuatan dan ekonomi di negeri Johor dan seterusnya membantu majikan-majikan yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19.

Sekian, terima kasih.



YB HAJI AYUB BIN HAJI JAMIL
PENGERUSI
JAWATANKUASA PERUMAHAN &
KERAJAAN TEMPATAN
NEGERI JOHOR

4 SEPTEMBER 2021